

April 1998

ATP401 - ETIKA PERNIAGAAN

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

1. Huraikan hak dan tanggungjawab golongan pentadbiran korporat yang berikut:
 - (a) Pemilik saham syarikat.
 - (b) Ketua eksekutif syarikat.
 - (c) Lembaga pengarah.
 - (d) Penghutang.

[20 markah]

2.
 - (a) Bagaimanakah syarikat dapat mengelakkan daripada pengambilalihan berseteru oleh syarikat lain?
 - (b) Huraikan langkah-langkah yang boleh diambil oleh kerajaan supaya kepentingan syarikat yang diambilalih itu dapat dilindungi.

[20 markah]

3. Pengurusan daya manusia kerap membahaskan isu etika dan tanggungjawab sosial majikan kepada pekerja. Huraikan maksud berikut:
 - (a) etika.
 - (b) tanggungjawab sosial.
 - (c) diskriminasi.
 - (d) hak individu.
 - (e) campurtangan kerajaan.

[20 markah]

4. Senarai dan jelaskan garis panduan dan tanggungjawab majikan dan pekerja mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (OSHA) 1994.

[20 markah]

5. Apakah kesalahan dan hukuman yang boleh dikenakan ke atas majikan dan pekerja jika mereka didapati melanggar duti dan keperluan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (OSHA) 1994?

[20 markah]

6. Huraikan maksud berikut:

- (a) teori moraliti.
- (b) kejahilan individu.
- (c) kapasiti individu.
- (d) teori pluralist.
- (e) teori struktur pasaran.

[20 markah]

7. (a) Terangkan sebab-sebab kerajaan campurtangan dalam urusan perniagaan pihak peniaga.
- (b) Terangkan 4 jenis peraturan/undang-undang kerajaan bagi mengawal tingkahlaku perniagaan.

[20 markah]

8. Bagaimanakah isu persekitaran boleh mempengaruhi dan memberi kesan ke atas operasi/fungsian perniagaan? Berikan contoh kesan isu persekitaran bagi setiap operasi/fungsian.

[20 marakh]

---ooo000ooo---